

## RON95 turun 19 sen, RON97 turun 21 sen seliter

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON95 turun 19 sen seliter manakala RON97 turun 21 sen seliter berkuat kuasa tengah malam ini hingga 13 Mac.

Kementerian Kewangan (MOF) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan harga RON95 dan RON97 bagi tempoh itu masing-masing ialah RM1.89 seliter dan RM2.19 seliter.

Kementerian turut memaklumkan harga runcit diesel turun 17 sen seliter kepada RM1.96 seliter.

### HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM Bagi tempoh 7 Mac sehingga 13 Mac 2020



RON95

19 sen

RM1.89 seliter



RON97

21 sen

RM2.19 seliter



DIESEL

17 sen

RM1.96 seliter

SUMBER: [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)

FAHMY HASHIM INFOGRAFIK